

PM Malaysia disyor ketua perwakilan

Iran - Iraq diseru hentikan perang

BM 15 SEP 1985

JEDDAH, Sabtu — Bangladesh menggesa Iraq dan Iran supaya meneruskan rundingan dengan Jawatankuasa Damai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dengan menamatkan perang lima tahun mereka, menurut sumber-sumber OIC di sini hari ini.

Menurut mereka, Presiden Bangladesh, Hossain Mohammad Ershad mencadangkan kepada jawatankuasa itu, yang memulakan rundingan tiga hari malam tadi, agar melantik Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Setiausaha Agung OIC, Sharifuddin Pirzada, sebagai ketua perwakilan OIC bagi berunding dengan Iran dan Iraq.

Penjenayah perang

Tetapi Pirzada, yang nampaknya tidak yakin huraian segera akan dapat dicapai, memberitahu jawatankuasa itu, Baghdad dan Teheran semakin berkeras tidak mahu mengalah sambil menghebatkan serangan ke atas satu sama lain.

Presiden Gambia, Sir Dawda Jawara, yang juga pengerusi jawatankuasa itu, berkata, ICO berazam meneruskan usaha damai walaupun ia selama ini gagal mendamaikan Iran dan Iraq.

Beliau memberi amaran, jika perang itu berterusan, ada kemungkinan ia akan membabitkan lain-lain negara.

"Kami sekali lagi menyeru Iran dan Iraq supaya melupakan segala sengketa dan mengutamakan perpaduan ummah," kata Sir Dawda lagi.

Jawatankuasa OIC ditubuhkan pada tahun 1981 dengan Gambia, Senegal, Guinea, Malaysia, Pakistan, Turki dan Pertubuhan Pembebasan Palestin sebagai anggota.

Sementara itu, di Teheran, Speaker Parlimen Iran berkata, negaranya tidak akan berganjak daripada tuntutan agar Parti Baath yang memerintah Iraq dihapuskan segera.

Beliau juga mahu kerajaan Presiden Saddam Hussein digulingkan dan dibicarakan sebagai penjenayah perang, sebelum rundingan dimulakan antara kedua-dua pihak.

Ali Hashemi Rafsanjani memberitahu beribu-ribu jemaah sembahyang Jumaat semalam, para pemimpin yang berhimpun di Jeddah harus tahu Iran sedia menghentikan perang sebaik saja kerajaan Presiden Saddam Hussein digulingkan.



DATUK SERI DR MAHATHIR... dicalonkan

Beliau sekali lagi memberi amaran, Iran akan memaksa semua pelabuhan di Teluk Parsi ditutup jika Iraq terus menyerang Pulau Kharg, iaitu pusat eksport minyak mentahnya.

Serangan balas Iran di darat adalah sebagai tindak balas ke atas serangan udara Iraq di Kharg, ujarnya.

Rafsanjani seterusnya memberi amaran kepada negara-negara yang menyokong Iraq, Iran akan merampas kapal yang membawa barangan ke Iraq sebaik saja kapal itu melintasi perairan Teluk.

Pemimpin Iran itu juga mengumumkan, beribu-ribu rakyat Iran di sepanjang medan perang 1,180 kilometer itu akan diperkuatkan dengan tiga juta pejuang tidak lama lagi bagi menyerang kedudukan Iraq. — Reuter